

24/11/1997

Usahawan digalak guna modal sendiri

Veena Rusli

KOTA BHARU, Ahad - Golongan usahawan tempatan digalak mengeluarkan modal sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada pinjaman dari institusi kewangan pada ketika negara sedang menghadapi masalah ekonomi.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kadar faedah tinggi yang dikenakan institusi kewangan tempatan dan bank juga seharusnya mengurangkan pergantungan usahawan terhadap pihak berkenaan.

"Kita minta kalangan usahawan bersabar dan membuat sedikit pengorbanan dengan mengeluarkan modal sendiri yang lebih banyak di saat negara berdepan dengan masalah ekonomi dan kejatuhan nilai ringgit sekarang.

"Kalau projek berkenaan boleh ditangguhkan, eloklah berbuat demikian tetapi projek boleh diteruskan dengan modal sendiri yang lebih besar jika didapati berdaya maju dan dapat mengukuhkan ekonomi negara," katanya selepas merasmikan Seminar Pembangunan Usahawan Melayu Muda anjuran Pergerakan Pemuda Umno Kelantan di Persiaran Kada, Melor, dekat sini, semalam.

Turut hadir ialah Exco Pergerakan Pemuda Umno, Nordin Mohd Nor; Ketua Pergerakan Pemuda Umno negeri, Zaiyadi Awang Noh; dan Pengerusi Majlis Pembangunan Usahawan Badan Perhubungan Pergerakan Pemuda Umno negeri, Zahari Kechik.

Mustapa berkata, tindakan Bank Negara meminta institusi kewangan tempatan mengenakan syarat pinjaman lebih ketat terhadap peminjam adalah bagi mengawal pertumbuhan kredit yang berleluasa.

"Kadar berkenaan menunjukkan peningkatan kredit agak ketara sejak kebelakangan ini dan Bank Negara berpendapat ia perlu dikawal terutama ketika negara dilanda masalah ekonomi.

"Kita tidak bermaksud mematahkan semangat usahawan apabila meminta mereka menangguhkan sementara projek yang dirancang tetapi sekadar ingin memelihara kepentingan semua pihak terbabit di samping mengelak mereka menanggung beban kewangan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sudah dan sedang mengambil pelbagai langkah untuk memulihkan keadaan, termasuk menubuhkan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kelmarin, Perdana Menteri berkata, NEAC akan ditubuhkan bulan depan dan berfungsi sebagai badan penasihat kepada kerajaan berhubung langkah yang perlu diambil bagi menangani kesan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham terhadap ekonomi negara.

Terdahulu dalam ucapannya, Mustapa berkata kementerian sedang giat menjalankan usaha pemantauan terhadap pelbagai program yang dilaksanakan bagi memastikan kelancarannya.

"Kita tidak mahu semua program itu hanya ada pada nama tetapi pelaksanaan tidak berjalan seperti diharapkan," katanya.

(END)